

## UMS dapat 296 unit rumah untuk pelajar

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) memperoleh 296 unit rumah teres dua tingkat di Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah bagi menempatkan lebih 1,500 pelajar yang mengikuti pengajian di kampus sementara Jalan Tuaran dan Teluk Likas.

Kawasan perumahan yang dibeli Kerajaan Persekutuan dengan harga RM43 juta diserahkan untuk tempoh tertentu kepada UMS sementara siapnya kampus tetap dan penempatan pelajar menjelang tahun 2005.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu

Sukam berkata, penempatan sementara pelajar itu perlu bagi membolehkan mereka belajar dengan lebih selesa.

"Penambahan pelajar yang mendadak sejak penubuhannya empat tahun lalu menyebabkan Kerajaan Persekutuan terpaksa menyediakan perumahan sementara kepada pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penyerahan Kunci 296 Unit Rumah Teres Dua Tingkat Taman Indah Permai, Sepanggar, Kota Kinabalu semalam.

Pada majlis itu, pema-ju perumahan, Syari-

kat Wilakaya, Datuk Quek Chow Yong menyerahkan rumah berkenaan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Datuk Wan Abdul Wahid Wan Hasan bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Pembangunan), Prof Dr Kamaruzaman Ampon dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Mohd Noh Dalimin.

Osu berkata, pembinaan kampus UMS diperlahankan berikutan masalah ekonomi yang dihadapi.

Bagaimanapun, katanya, komponen penting kampus berkenaan masih diteruskan dan dijangka siap dalam tempoh enam tahun lagi berbanding empat tahun yang dijangkakan sebelum ini.

Beliau turut memberi amaran kepada pema-ju perumahan Syarikat Wilakaya supaya mengatasi masalah gangguan bekalan air di perumahan berkenaan.

"Saya memberi tempoh dua minggu kepada pema-ju perumahan, Jabatan Bekalan Air dan Majlis Perbandaran Kota Kinabalu untuk mengatasnya," katanya.